

## **WIRA MELAYU MENURUT PERSEPSI PELAJAR**

**Rahimah Hamdan**  
Universiti Putra Malaysia

### **Abstrak**

Makalah ini bertujuan untuk menilai kerelevanan Hang Tuah sebagai tokoh wira bagi masyarakat kontemporarinya khasnya generasi muda yang diwakili oleh pelajar Universiti Putra Malaysia, Malaysia. Sejak abad ke-15 Masihi lagi, watak Hang Tuah amat sinonim sebagai wira yang melambangkan kegagahan, kecemerlangan dan kegemilangan masyarakat Melayu dalam semua aspek kehidupan. Penobatan kepada wira ini diwarisi dari generasi ke generasi sehingga ke hari ini. Walau bagaimanapun, dalam kepesatan Malaysia mengejar era kemodenan dunia pada abad ke-21 ini, elemen ‘wira budaya’ ini disangskikan kerelevannya sebagai memenuhi tuntutan ‘ikon’ masyarakat kini. Persoalan berlegar sekitar adakah kehadiran Hang Tuah masih diperlukan dan terus diterima oleh generasi muda khasnya? Maka dengan menggunakan metod kualitatif, 80 orang pelajar dari Universiti Putra Malaysia ditemubual menggunakan borang soal-selidik sebagai alat kajian (*structured questionare*). Pelajar yang terlibat berumur di antara 21 sehingga 24 tahun dan dibahagikan secara seimbang iaitu 40 orang mempunyai latar belakang sastera dan 40 lagi bukan berlatar belakang sastera. Untuk menilaian kerelevanan Hang Tuah sebagai wira bagi generasi muda kini, dua persoalan utama akan dikemukakan kepada responden iaitu pengetahuan tentang wira Hang Tuah dan perspektif responden terhadap kewujudan, kesahihan kisah, keperwiraan dan ketangkasan Hang Tuah sebagai wira Melayu. Dapatkan kajian mendapati Hang Tuah masih relevan dan diterima sebagai ikon ‘wira budaya’ oleh generasi kini. Secara langsung memberi gambaran bahawa tokoh Hang Tuah ini masih diperlukan kehadirannya kepada generasi kini tanpa perlu diganti oleh tokoh lain seiring dengan perubahan masa dan zaman.

**Kata Kunci:** *Wira, Melayu, Sejarah Melayu, Hikayat Hang Tuah, budaya*

## **MALAY HERO ACCORDING TO STUDENTS' PERCEPTION**

### **Abstract**

*This paper is aimed at assessing the relevance of Hang Tuah as a warrior figure for contemporary society, especially the younger generation in this country, represented by students of Universiti Putra Malaysia. Since the 15th century, Hang Tuah has been synonymous with a warrior who symbolizes the strength, excellence and greatness of the Malay community in all aspects of life. This recognition of Hang Tuah as a warrior has been handed down from generation to generation until today. However, in Malaysia’s rapid pursuit to be a modern nation in the 21st century, the relevance of this element of a ‘cultural warrior’ for fulfilling the demand for a social ‘icon’ of today is doubtful. Questions revolve as to whether the existence of Hang Tuah is still necessary and whether he is still accepted, especially by the younger generation. Therefore, by using a qualitative method, 80 students from Universiti Putra Malaysia were interviewed using a structured questionnaire as the research tool. The students were aged between 21 to 24 years and were divided equally into 40 students with a literature background and 40 students with a non-literature background. To evaluate the relevance of Hang Tuah as a warrior for the younger generation of today, the respondents were asked two main questions to gauge their knowledge about Hang Tuah and their perspective of his existence, validity, heroism and skills as a Malay warrior. The results of the study showed that Hang Tuah is still relevant and is still accepted as a ‘cultural warrior’ by the present generation. This directly gives the impression that Hang Tuah is still needed by the present generation and that he does not need to be replaced by other figures as changes take place in time.*

**Keywords:** *Warrior, Malay, Sejarah Melayu, Hikayat Hang Tuah, culture*

## PENGENALAN

‘Wira’ bagi masyarakat Melayu tradisional adalah individu yang dilengkapi dengan kegagahan, kebijaksanaan dan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada raja sebagai pemerintah utama. Ini adalah kerana ketaatan kepada raja merupakan elemen terpenting dalam hidup seorang manusia Melayu. Apatah lagi bila raja yang memerintah dianggap sebagai ‘jelmaan Tuhan’ dan ‘Khalifah Allah swt’ di dunia yang akhirnya mengabsahkan konsep daulat, tulah dan derhaka dalam perhubungan raja dan rakyatnya. Konsep ketaatan ini amat jelas ditunjukkan oleh wira Melayu Hang Tuah dalam karya epik *Hikayat Hang Tuah*<sup>1</sup> yang secara terang-terangan dimulakan dengan frasa, “[...] Inilah *Hikayat Hang Tuah* yang amat setiawan pada tuannya dan terlalu sangat berbuat kebaktian kepada tuannya” (*Hikayat Hang Tuah* 1997:1). Secara tidak langsung mukadimah karya epik ini menggambarkan pemahaman konsep ‘wira’ bagi masyarakat Melayu yang tanggungjawabnya hanya berfokus kepada taatsetia dan bakti kepada raja yang memerintah.

Realitinya ‘wira’ bukanlah dilahirkan (seperti manusia biasa) tetapi dibina (daripada satu tradisi yang diwarisi). Ini adalah kerana seorang ‘wira’ mempunyai signifikan tertentu dalam menepati fungsi serta peranan kepada masyarakatnya (Edmonson 1971). Masyarakat Melayu mempunyai pelbagai tokoh wira dalam tradisi bertulisnya seperti Seri Rama dalam *Hikayat Seri Rama*, Amir Hamzah dalam *Hikayat Amir Hamzah*, Muhammad Hanafiah dalam *Hikayat Muhammad Hanafiah*, Saif Dhu'l-Yazan dalam *Hikayat Saif Dhu'l-Yazan* (atau Saiful Lizan), Sama'un dalam *Hikayat Sama'un* dan Raja Khandak dalam *Hikayat Raja Handak* (atau Khandak) dan sebagainya. Walau bagaimanapun, satu-satunya wira yang muncul dalam konteks kegemilangan empayar kerajaan Melayu Melaka (abad ke-15 Masihi) dan sekaligus mewakili kerajaan tersebut adalah Laksamana Hang Tuah sebagaimana yang digambarkan dalam genre historiografi *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)* dan genre epik *Hikayat Hang Tuah* (Kassim Ahmad 1994; M.Khalid Taib 1993). Sulastrin Sutrisno (1983) berpendapat bahawa pengarang yang menyusun *Hikayat Hang Tuah* cuba menampilkan suatu jalinan cerita mengenai seorang tokoh Melayu hasil cantuman pelbagai konvensi dan tradisi Melayu dengan strukturnya yang tersendiri. Tambahan pula, *Hikayat Hang Tuah* ditulis bukan untuk mempamerkan sejarah pemerintahan raja-raja Melayu, tetapi keinginan menonjolkan jati diri Melayu yang lebih unggul daripada bangsa yang lain (Liaw Yock Fang 1975). Ini diperkuatkan dengan elemen setiap masyarakat memerlukan cerita, epik dan dongengan untuk menyatukan mereka ke arah satu satu ikon yang boleh dibangga dan dijadikan ‘model dalam kehidupan’ (Farish A. Noor 2009).

Meneliti *Hikayat Hang Tuah* mendapati banyak episod-episod yang menggambarkan kebesaran dan kehebatan Hang Tuah sebagai manusia Melayu sehingga mampu menyemarakkan nama negarakotanya iaitu Melaka ke seluruh pelosok dunia. Ketaatan beliau yang tidak berbelah bahagi kepada rajanya mendefinisikan nilai dan pemikiran seorang yang bernama ‘Melayu’. Maka sewajarnya Hang Tuah dinobatkan sebagai ikon ‘wira budaya’ bagi masyarakat Melayu kerana kemampuan beliau mencirikan konsep ‘ke-Melayu-an’ itu selengkapnya seperti pendapat Maier (1999: 672-698) di bawah:

*“Reading *Hikayat Hang Tuah* is like being constantly given the suggestion that this is what Malayness is all about: it is the desire to create a feeling of communalism and kinship between concrete human beings instead of the blind obedience to a set of abstract conventions, considerations of geography, or the belief in a stable personal identity. Flexibility and the willingness to play, in other words, is what counts in being a Malay, in acting out Malayness”*.

Ini dapat dibuktikan menerusi episod dalam *Hikayat Hang Tuah* apabila Hang Tuah mengetui angkatan peminangan Sultan Mansur Syah ke Majapahit, menyelamatkan kuda raja yang jatuh ke dalam telaga najis, penamatkan penderhakaan Hang Jebat, menyelamatkan maruah kerajaan Melaka daripada serangan dan pertelingkahan dengan Makassar, Haru dan Siak, mengetui peminangan Puteri Gunung Ledang serta menjalinkan hubungan diplomatik dengan kuasa besar dunia seperti Siam, Brunei, Keling, Turki dan beberapa kejayaan lain yang membuktikan keperwiraannya. Berteraskan

bukti ini, sarjana tempatan dan luar negara bersepakat menobatkan Hang Tuah sebagai ‘ikon ideal’ masyarakat Melayu (Teeuw 1965: 339-354; Muhammad Hj.Salleh 1983: 74-97; Shaharuddin Maaruf 1984; Braginsky 1990: 399-412; M.Khalid Taib 1993; Maier 1999: 342-361; Muhammad Haji Salleh 2006: 395-405; Farish Noor 2009); Rahimah Hamdan & Shaiful Bahri Md. Radzi 2014: 133-140; Hedora Sabie 2014).

Walau bagaimanapun, penobatan mengenai keperwiraan Hang Tuah hanya meluas diperbincangkan di kalangan para sarjana menerusi kajian analisis teks seperti di atas sama ada berdasarkan magnum opus *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)* atau *Hikayat Hang Tuah*. Sehingga kini, tiada kajian lapangan yang melibatkan pandangan telus generasi muda terhadap kerelevan tokoh yang berusia lebih 500 tahun ini kepada mereka. Sehubungan itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti pandangan generasi muda terhadap wira Melayu Hang Tuah serta menilai pendapat mereka berhubung pengekalan Hang Tuah sebagai wira Melayu menurut generasi kini.

## BAHAN DAN METODOLOGI KAJIAN

Metod kualitatif akan digunakan menerusi temu bual (*structured questionnaire*) dan pengedaran borang soal selidik kepada 80 orang responden iaitu para pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Malaysia. Responden dibahagikan kepada dua bahagian iaitu 40 orang responden yang mempunyai latar belakang pengetahuan kesusasteraan Melayu, manakala baki 40 orang responden lagi tidak mempunyai latar belakang pengetahuan kesusasteraan Melayu. Ini bermakna 40 orang pelajar (50 % daripada keseluruhan responden) mempunyai latar belakang kesusasteraan Melayu merupakan pelajar pengkhususan Bahasa dan Linguistik Melayu di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Manakala sebahagian 50 % responden (40 orang pelajar) merupakan pelajar bukan sastera Melayu iaitu pertanian, sains, alam sekitar, bioteknologi, ekonomi, dan ekologi. Pecahan pelajar ini dilakukan agar hasil dapatan dapat diperolehi secara seimbang daripada dua kelompok pelajar yang berbeza latar belakang ini. Seterusnya, daya yang diperolehi akan dianalisa secara deskriptif (*percentages*).

Keseluruhan responden berumur dalam lingkungan usia 21 hingga 24 tahun. Ini bertepatan dengan definisi ‘generasi muda’ menurut United Nation sebagai golongan yang berumur dalam lingkungan 15 hingga 24 tahun (Angel 1995: 35). Hasil analisis menunjukkan usia responden yang paling dominan dalam kajian ini ialah usia 23 tahun, iaitu seramai 44 orang atau 55 % daripada keseluruhan responden. Responden yang berusia 21 tahun (9 orang), 22 tahun (17 orang) dan 24 tahun (3 orang) mewakili 11.25 %, 21.25 %, dan 3.75 % masing-masing yang menyumbang kepada kajian ini. Berdasarkan beberapa bukti ketokohan Hang Tuah seperti yang tertulis dalam *Hikayat Hang Tuah*, responden akan ditanya berdasarkan beberapa persoalan kajian iaitu; Apakah responden mengenali wira Melayu Hang Tuah? Apakah responden mempercayai kewujudan Hang Tuah? Bagaimanakah penilaian responden terhadap Hang Tuah sebagai wira Melayu? Sehubungan itu, pembahagian tema dalam soal selidik dapat dibahagikan kepada dua kategori iaitu:

- (i) Pengetahuan umum responden tentang Hang Tuah
- (ii) Perspektif responden terhadap Hang Tuah dari sudut kewujudan, kesahihan kisah wira, keperwiraan serta ketangkasan Hang Tuah yang menjadi tunggak kewajaran beliau untuk terus dinobatkan sebagai wira Melayu bagi generasi kini.

## KEPUTUSAN KAJIAN

### (i) Pengetahuan Umum Responden Tentang Hang Tuah

Hasil soal selidik menunjukkan bahawa kesemua 80 orang responden yang terlibat dalam kajian ini bersetuju bahawa mereka mengenali Hang Tuah sebagai ikon ‘wira’ yang menjadi kebanggaan orang Melayu. Temu bual dan soal-selidik mendapati medium yang paling berkesan dalam memperkenalkan Hang Tuah sebagai wira Melayu kepada golongan ini adalah menerusi media massa seperti televisyen. Seramai 74 orang responden (92.5 %) bersetuju bahawa pengetahuan mereka mengenai Hang Tuah diperoleh menerusi televisyen terutamanya tayangan filem klasik tahun 1956 berjudul ‘*Hang Tuah*’

terbitan Malay Film Productions Ltd. Selain itu, medium yang turut ketara dalam menjadi agen penyampaian kisah Hang Tuah sebagai wira Melayu ialah media cetak yang berupa buku, seperti buku-buku cerita, jurnal maupun ensiklopedia. Responden yang memperoleh pengetahuan tentang Hang Tuah sebagai wira Melayu menerusi media seumpama ini adalah seramai 61 orang, iaitu kira-kira 76.25% daripada keseluruhan 80 orang responden kajian ini.

Pengetahuan tentang Hang Tuah sebagai wira Melayu turut diperoleh daripada pembelajaran di dalam kelas. Seramai 32 orang responden (40%) bersetuju bahawa mereka mengenali Hang Tuah menerusi pembelajaran di sekolah. Ini bermakna, sistem pendidikan turut menyumbang pengetahuan responden terhadap Hang Tuah. Perkembangan internet menggalakkan pengetahuan generasi muda ini kepada Hang Tuah. Ini dapat dibuktikan apabila 30 orang responden menyatakan bahawa pengetahuan mereka tentang Hang Tuah sebagai wira Melayu diperoleh daripada laman sesawang. Sumber ini memperlihatkan 37.5% responden mengenali Hang Tuah menerusi carian di internet. Manakala, faktor persekitaran atau masyarakat setempat pula menyumbang kira-kira 25% (20 orang) dalam menyalurkan pengetahuan tentang Hang Tuah kepada responden. Penceritaan kisah Hang Tuah oleh ahli keluarga terdekat pula memiliki peratusan sebanyak 22.5% (18 orang responden).

Secara keseluruhannya, dapat dilihat bahawa pengetahuan tentang Hang Tuah sebagai wira Melayu dalam kalangan responden, bertitik tolak daripada media massa seperti televisyen, media cetak seperti buku, laman sesawang di internet, pembelajaran menerusi pendidikan formal, serta turut disumbangkan oleh masyarakat setempat dan ahli keluarga terdekat. Sumber-sumber ini menjadi medium yang menyalurkan pengetahuan tentang Hang Tuah kepada semua responden yang terlibat dalam kajian ini.

## **(ii) Perspektif Responden Terhadap Hang Tuah**

### **a) Kewujudan Hang Tuah**

Hang Tuah adalah wira Melayu yang popular sekitar abad ke-14 dan abad ke-15 Masihi. Walau bagaimanapun, nama wira ini masih lagi meniti di bibir masyarakat Melayu pada hari ini. Hasil kajian mendapati, 65% atau 52 orang responden daripada keseluruhan 80 orang responden bersetuju bahawa mereka percaya tentang kewujudan Hang Tuah sebagai wira Melayu. Sementara itu, hanya 6 orang, atau 7.5% responden yang tidak bersetuju dengan kewujudan Hang Tuah sebagai wira Melayu.

Responden yang menolak kewujudan Hang Tuah sebagai wira Melayu ini beranggapan bahawa kewujudan Hang Tuah hanyalah satu watak rekayasa pengarang. Apatah lagi, Hang Tuah dikatakan lenyap ketika negeri Melaka benar-benar memerlukan khidmatnya sebagai pahlawan, iaitu sewaktu kemaraan Portugis ke Melaka. Umar Junus (1993: 30) menyatakan bahawa berlaku satu perubahan kepada diri Hang Tuah apabila wataknya ‘dimatikan’ dengan cara menghilangkan diri. Kehilangan Hang Tuah dikatakan menjadi salah satu faktor yang menyebabkan Melaka jatuh ke tangan Portugis. Kisah Hang Tuah yang rancak diceritakan pada awalnya, tiba-tiba menjadi senyap setelah ‘kehilangan’ Hang Tuah.

Walaupun bilangan responden yang tidak mempercayai kewujudan Hang Tuah sebagai wira Melayu adalah bilangan dalam kuantiti yang kecil, namun bilangan ini mampu memberi impak terhadap kewibawaan Hang Tuah yang telah lama diangkat sebagai wira dalam masyarakat Melayu. Apatah lagi, seramai 22 orang, atau 27.5% responden pula menyatakan tidak pasti berhubung hal ini. Hasil temu bual terhadap empat (4) orang responden pula memperlihatkan pendapat peribadi mereka terhadap kewujudan Hang Tuah. Pendapat responden hasil temu bual adalah seperti berikut:

- |             |   |
|-------------|---|
| Responden 1 | Hang Tuah tidak dilupakan kerana banyak bukti yang menunjukkan kewujudannya. Oleh itu, jelaslah bahawa Hang Tuah masih diangkat dalam masyarakat kita kini. |
| Responden 2 | Kewujudan Hang Tuah masih lagi kabur kerana tidak mendapat maklumat yang sahih dan lebih mendalam tentang kewujudan tokoh wira ini                          |
| Responden 3 | Saya berasakan Hang Tuah adalah dongeng, tetapi boleh dikekalkan kisahnya sebagai tauladan  |
| Responden 4 | Setakat pengetahuan saya, saya mendapati cerita mengenai Hang Tuah dan kehebatan yang dimiliki oleh Hang Tuah adalah rekaan semata                          |

Pendapat yang lahir daripada responden yang ditemu bual memperlihatkan ketidakyakinan majoriti responden yang ditemu bual terhadap kewujudan Hang Tuah yang telah lama dicanang sebagai wira masyarakat Melayu. Hanya seorang daripada responden yang ditemu bual meyakini kewujudan Hang Tuah berdasarkan penemuan-penemuan hasil kajian terdahulu yang diketahuinya.

### b) Kesahihan Kisah Hang Tuah

Hasil soal selidik mendapati 50% responden bersetuju dan sangat setuju tentang kesahihan kisah Hang Tuah. Daripada jumlah tersebut, seramai 35 orang atau 43.75% responden bersetuju dengan hal tersebut, manakala 5 orang atau 6.25% responden menyatakan sangat bersetuju dengannya. Sementara itu, 8 orang atau 10% responden lagi menyatakan tidak bersetuju dengan kesahihan kisah Hang Tuah. Baki 40% atau 32 orang responden pula menyatakan tidak pasti dengan hal tersebut. Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa sebilangan masyarakat daripada generasi hari ini keliru dengan kesahihan kisah Hang Tuah yang telah diperturunkan sejak zaman berzaman, malah ada yang menganggap Hang Tuah sebagai satu legenda dan kisahnya hanya mitos yang sengaja diada-adakan pengarang.

Meninjau dari perspektif sejarah, kisah Hang Tuah yang dikatakan benar kerana berhubungan dengan perkembangan negeri Melaka. Misalnya, *Sejarah Melayu* mencatatkan ciri-ciri yang mengarah kepada kesahihan kisah Hang Tuah ini. Ini diperkuat oleh pendapat Ahmad Sarji (2004) bahawa jangka waktu Hang Tuah hidup adalah berlatarbelakangkan sejarah. Sebagai contoh, Hang Tuah pernah menjadi utusan peminangan ke Majapahit yang merupakan sebuah empayar di Pulau Jawa pada tahun 1293 hingga 1520 Masihi (Kassim Ahmad 1994: 594). Ini bermakna Hang Tuah pernah wujud pada zaman kegemilangan dua empayar di Nusantara iaitu Melaka dan Majapahit. Sebagaimana menurut Ooi Keat Gin (2004: 822) seperti petikan di bawah:

*[...] is the name of a kingdom that had its core territory in more or less the eastern and larger help of the island of Java. [...] a later work of Malay literature, the *Hikayat Hang Tuah* (written between 1641 and 1726) has an episode related to Majapahit. In this work, Majapahit is described, through the many turns of the story of the Malay hero Hang Tuah, as a powerful competitor of Melaka. The story recounts the shift of power in the region, from Majapahit to Melaka. Nevertheless, it also tells that the elements of Hang Tuah's success as a knight of Melaka were 'made in Majapahit'. These included the magical knowledge he acquired from Majapahit sages; the holy kris 'Taming Sari', which he acquired from Majapahit; and the title 'Laksamana' (admiral) which he received from the King 'Seri Betara' of Majapahit. He was also considered successful in winning the hand of a Majapahit princess for the ruler of Melaka'.*

### c) Keperwiraan Hang Tuah

Keperwiraan Hang Tuah jelas digambarkan dalam *Hikayat Hang Tuah*. Sejak kecil lagi, Hang Tuah sudah digambarkan sebagai seorang yang mempunyai masa hadapan yang cemerlang. Peribadinya sebagai seorang wira diperkatakan oleh orang-orang yang mempunyai ilmu firasat. Bapa Hang Tuah, iaitu Hang Mahmud juga telah bermimpi melihat bulan turun dari langit dan cahayanya memenuhi kepala Hang Tuah (*Hikayat Hang Tuah* 1994: 22). Selain itu, *Hikayat Hang Tuah* turut mencatatkan keperihalan keperwiraan Hang Tuah menerusi ramalan gurunya, iaitu Raden Aria Putra (*Hikayat Hang Tuah* 1994: 31).

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, didapati bahawa 42 orang responden bersetuju dan mengagumi keperwiraan Hang Tuah sebagai wira Melayu. Pendapat 52.5% responden ini turut disokong oleh 25 orang atau 31.25% responden yang menyatakan sangat bersetuju dan begitu mengagumi keperwiraan Hang Tuah. Hal ini menunjukkan bahawa, Hang Tuah masih dapat mengungguli ketokohnya sebagai wira dalam masyarakat Melayu. Sementara itu, terdapat juga responden yang tidak bersetuju dengan keperwiraan Hang Tuah. Daripada 80 orang responden, hanya 3 orang atau 3.75% responden yang menyatakan sedemikian, manakala 10 orang atau 12.5% responden lagi menyatakan tidak pasti berhubung hal ini. Hasil temu bual dengan 4 orang responden pula menemukan pendapat yang berbeza-beza terhadap keperwiraan Hang Tuah seperti berikut:

- |             |   |
|-------------|---|
| Responden 1 | Kehebatan Hang Tuah bukan terletak pada kuasa <i>supernatural</i> -nya, tetapi pada keberanian dan kebijaksanaannya yang menjadikan Hang Tuah pahlawan Melayu agung sepanjang zaman |
| Responden 2 | Seorang pahlawan Melayu yang tangkas dan hebat berlawan, Laksamana Hang Tuah merupakan tokoh yang berani dan merupakan tokoh sepanjang zaman  |
| Responden 3 | Semangat yang dimiliki Hang Tuah menjadikannya seorang wira yang gagah. Bukan kekuatan atau ketangkasannya  |
| Responden 4 | Saya tidak menganggap Hang Tuah sebagai wira sepanjang hayat, tetapi wira yang memiliki kehebatan berlawan  |

Hasil temu bual bersama responden menunjukkan keperwiraan Hang Tuah sebagai wira Melayu masih lagi diiktiraf oleh generasi hari ini, walaupun mereka mempunyai penilaian peribadi yang tersendiri mengenainya.

#### d) Ketangkasan Hang Tuah Semasa Bertarung

Hang Tuah sedari awal lagi telah memperlihatkan kebolehan bertarung yang luar biasa. Bermula dengan menumpaskan orang mengamuk ketika kecil, ketangkasan Hang Tuah dalam bertarung terus terpancar menerusi kejayaan demi kejayaan yang ditempanya ketika bertarung dengan musuh. Misalnya, di Majapahit. Hang Tuah pernah berhadapan dengan enam kali percubaan musuh untuk membunuhnya. Musuh itu adalah terdiri daripada pahlawan-pahlawan Majapahit yang dihantar oleh Patih Gajah Mada untuk menewaskan Hang Tuah. Ketangkasan Hang Tuah dalam bertarung dan menggunakan senjata telah menyelamatkannya daripada dibunuh oleh musuh (Hikayat Hang Tuah 1994: 186).

Ahmad Sarji (2004) menyifatkan kejayaan Hang Tuah itu sebagai johan hulubalang Melayu. Kepantasan Hang Tuah dalam bermain keris, membuktikan ketangkasan Hang Tuah ketika bertarung hingga mampu untuk menewaskan lawannya. Hasil kajian ini pula menunjukkan 14 orang responden atau 17.5% responden bersetuju bahawa Hang Tuah mempunyai ketangkasan dalam bertarung. Seorang responden atau 1.25% responden pula menyatakan sangat bersetuju dengan pernyataan berkenaan. Namun, 28 orang atau 35% responden menyatakan tidak bersetuju dengan ketangkasan Hang Tuah semasa bertarung. Terdapat 7 orang responden atau 8.75% responden pula menyatakan sangat tidak bersetuju, manakala 30 orang atau 37.5% responden lagi menyatakan tidak pasti. Hasil temu bual bersama responden menunjukkan bahawa responden mempunyai alasan yang tersendiri untuk tidak bersetuju dengan pernyataan bahawa ketangkasan Hang Tuah adalah terletak semasa berlakunya pertarungan dengan lawan atau musuhnya. Hal ini demikian kerana, responden berpendapat bahawa ketangkasan Hang Tuah tidak hanya terletak semasa bertarung, tetapi juga terletak pada kebijaksanaannya beliau mengatur strategi untuk menumpaskan lawan.

### KESIMPULAN

Hang Tuah yang diangkat sebagai tokoh pahlawan masyarakat Melayu sejak turun temurun kini berdepan dengan cabaran massa yang lebih hebat. Dunia pada hari ini memperlihatkan pelbagai corak manusia yang rencam dan pelbagai. Di sebalik kepelbagaiannya itu, muncul tokoh-tokoh baru yang dianggap idola kepada masyarakat hari ini, khususnya masyarakat Melayu. Peredaran zaman menyebabkan tokoh tradisional seperti Hang Tuah menghadapi persaingan dengan tokoh-tokoh masyarakat hari ini. Namun, kecintaan kepada sejarah dan budaya yang diwariskan dari generasi ke generasi menyebabkan Hang Tuah masih kekal diangkat sebagai wira. Ini dibuktikan oleh kajian ini apabila Hang Tuah masih lagi relevan sebagai ikon wira bangsa menurut perspektif generasi muda Universiti Putra Malaysia yang mewakili keseluruhan generasi muda Malaysia amnya.

## BIBLIOGRAFI

- Ahmad Sarji. (2004). *Hang Tuah Tokoh Epik Nasional. Selangor*: Pelanduk Publication Sdn. Bhd.
- Angel, W.D. (Ed.). (1995). *The International Law of Youth Rights: Source Documents and Commentary*. Dordrecht: Martinus Nijhoff.
- Braginsky, V.I. (1990). Hikayat Hang Tuah: Malay Epic and Muslim Mirror: Some Consideration on its Date, Meaning and Structure. *Bijdragen tot de Taal-, Land en Volkenkunde*, 146 (4): 399-412.
- Edmonson, M.S. (1971). *Lore: An Introduction to the Science of Folklore and Literature*. New York: Holt, Rinehart and Winston, Inc.
- Farish A.Noor. (2009). *What Your Teacher Didn't Tell You*. The Annexe Lectures, Vol. I. Petaling Jaya: Matahari Books.
- Hedora Sabie. (2014). *Kerelevanan Hang Tuah Sebagai Wira Melayu: Menurut Perspektif Pelajar Universiti Putra Malaysia*. Projek Ilmiah Tahun Akhir Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Ismail Hamid. (1983). *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Kassim Ahmad. (Ed.). (1994). *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Liaw Yock Fang. (1975). *Sejarah Kesusastraan Melayu Klasik*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Maier, H. (1999). We Are Playing Relatives: Riau, the Cradle of Reality and Hybridity. Dlm. Riau in Transition. *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde*, 153: 4: 672-698.
- Maier, H. (1999). Tales of Hang Tuah: In Search of Wisdom and Good Behaviour. *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde*, 155 (3): 342-361.
- M.Khalid Taib. (1993). Konsep dan Kedudukan Wira dalam Teks Melayu Klasik Terpilih. Dlm. Siti Aisah Murad (Ed.). *Konsep Wira dalam Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Hj.Salleh. (1983). Central Values of the Malay Hero Hang Tuah. *Tenggara*, 17/18: 74-97.
- Muhammad Haji Salleh. (2006). A Malay Knight Speaks The White Man's Tongue: Notes on Translating the Hikayat Hang Tuah. *Indonesia and the Malay World*, 34 (100): 395-405.
- Oii Keat Gin (Ed.). (2004). *Southeast Asia: A Historical Encyclopedia from Angkor Wat to East Timur*. Santa Barbara: ABC Clio.
- Rahimah Hamdan & Shaiful Bahri Md. Radzi. (2014). In Search of Happiness in A Malay Hero's Life. *International Journal of Humanities and Social Science*, 4 (1): 133-140.
- Shaharuddin Maaruf. (1984). *Concept of a Hero in Malay Society*. Singapore: Eastern Universities Press.
- Sulastrin Sutrisno. (1983). *Hikayat Hang Tuah: Analisa Struktur dan Fungsi*. Jogjakarta: Gajah Mada University Press.
- Teuw, A. (1965). Tentang Penghargaan dan Penafsiran Hikayat Hang Tuah. *Dewan Bahasa*. 8: 339-354.
- Umar Junus. (1993). Hang Tuah: Persoalan Wira dan Pahlawan dalam Sastera serta Sejarah Kita. Dlm. Siti Aisah Murad (Ed.). *Konsep Wira dalam Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.